



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

KHAMIS
15 Januari 2026



Akhbar	Utusan Malaysia
Tarikh	15 Januari 2026
Ruang	Dalam Negeri
Muka Surat	3

AI: 700,000 pekerja dilatih semula, elak risiko hilang kerja

dari muka 1

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua NAO, Shamsul Izhan Abdul Majid berkata, di bawah inisiatif saluran bakat berskala besar, fokus utama adalah menyediakan 'jaringan keselamatan' bagi pekerja yang berisiko kehilangan pekerjaan akibat automasi serta melatih semula tenaga kerja sedia ada.

Katanya, inisiatif ini dilaksanakan bersama Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) dengan melaksanakan program peningkatan kemahiran (upskilling) dan latihan semula (reskilling) secara besar-besaran agar pekerja boleh beralih ke peranan digital yang lebih bernilai tinggi.

"Strategi yang dilaksanakan ialah memperkenalkan Skilling Credits (MyMahir AI Skills) untuk individu berpendapatan rendah dan membangunkan Taksonomi Kerjaya dan Kemahiran Nasional yang dinamik.

"Selain mengekalkan pekerjaan sedia ada, fokus kerajaan mewujudkan ekosistem pekerjaan baharu yang lebih berkualiti termasuk pembangunan kerjaya masa hadapan seperti Jurutera AI, Saintis Data, dan Pakar Etika AI.

"Limpahan pelaburan dalam bidang AI dipastikan untuk diterjemahkan kepada peluang pekerjaan berkemahiran tinggi bagi rakyat Malaysia," katanya di



SHAMSUL IZHAN ABDUL MAJID

sini semalam.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan, hampir tiga juta pekerja di negara ini dijangka terkesan akibat peralihan pesat ke arah penggunaan AI, pendigitalan dan agenda ekonomi hijau dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.

Menurut Kajian Impak AI, Pendigitalan dan Ekonomi Hijau terhadap Tenaga Kerja Malaysia yang dilaksanakan oleh TalentCorp, dianggarkan kira-kira 685,000 pekerja akan mengalami gangguan tahap tinggi, melibatkan 18 sektor utama pekerjaan.

Shamsul Izhan berkata, kerjasama bersama TalentCorp juga melaksanakan inisiatif Rangkaian Bakat Global bertujuan mengatasi kekurangan pakar AI tahap tinggi

dengan menarik bakat terbaik dunia dan diaspora Malaysia untuk menyumbang kepada ekosistem tempatan.

Jelasnya, inisiatif ini dengan menarik pakar 'super AI' untuk memacu agenda inovasi tanpa mengira lokasi fizikal mereka (boleh secara remote atau on-site).

"Sasaran di bawah inisiatif ini adalah melahirkan atau menarik 2,000 pakar AI menjelang tahun 2030 (sasaran 500 pakar menjelang 2027).

"Strategi diguna pakai dengan memperkenalkan AI Talent Track (insentif khas) dan Pas e-Residensi Digital yang membolehkan pakar asing mengurus perniagaan AI di Malaysia secara jarak jauh," katanya.

Selain itu, beliau berkata, di bawah inisiatif Pendidikan Tinggi Berteraskan AI pula, sebanyak 95 peratus graduan disasarkan mencapai kadar kebolehpasaran graduan pakar AI menjelang 2030.

Katanya, inisiatif ini bertujuan mentransformasikan institusi pendidikan tinggi agar setiap graduan yang dilahirkan adalah 'AI-Fluent' (fasih AI) dengan mengintegrasikan AI ke dalam kurikulum universiti dan TVET serta memastikan kursus yang ditawarkan sejajar dengan keperluan industri.

"Ia dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi melalui strategi Laluan Akreditasi Pantas untuk modul

AI dan mewujudkan Makmal AI Maya Kebangsaan bagi akses pembelajaran yang lebih luas," katanya.

"Strategi dilaksanakan bersama Kementerian Pendidikan dengan melatih guru agar mahir menggunakan alat AI dalam pengajaran dan menyesuaikan kurikulum sekolah untuk merangkumi asas teknologi baru muncul," katanya.

Dalam pada itu, NAO bekerjasama rapat dengan pelbagai sektor untuk memastikan kemahiran pekerja sentiasa relevan dengan permintaan pasaran.

Ini termasuk pendedahan AI kepada penjawat awam melalui inisiatif seperti Google AI@Work 2.0 dengan kerajaan menyasarkan latihan AI kepada lebih 445,000 penjawat awam yang merupakan pengguna MyGovUC.

Ini bertujuan memperkasa penyampaian perkhidmatan awam menjadi lebih cekap dan kakitangan kerajaan mahir mengendalikan alatan AI.

Katanya, bagi sektor pendidikan pula, NAO mengadakan libat urus dengan institusi pendidikan untuk memahami keperluan guru dan pensyarah dengan fokus diberikan kepada Latihan AI untuk guru atau tenaga pengajar.

"Langkah ini agar pendidik dapat memudah cara pembelajaran AI di peringkat sekolah dan universiti, sekali gus melahirkan graduan yang AI-ready.

SINAR HARIAN | KHAMIS 15 JANUARI 2026

Sinar Nasional

15

RM2.62 bilion bantuan latihan kemahiran capai sasaran

HRD Corp mencatat peningkatan positif sebanyak tiga peratus dengan 2.8 juta tempat latihan berbanding tahun sebelumnya

KUALA LUMPUR – Human Resource Development Corporation (HRD Corp) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) meluluskan sebanyak RM2.62 bilion bantuan kewangan bagi aktiviti latihan dan pembangunan kemahiran sepanjang tahun 2025, meningkat 32 peratus berbanding 2024.

Jumlah itu melibatkan lebih 2.8 juta tempat latihan di bawah program dan skim yang ditadbir HRD Corp, mencatat pertumbuhan tiga peratus berbanding tahun sebelumnya, sekali gus mencerminkan penguatkuasaan akses latihan di peringkat nasional.

Sektor pembuatan merekodkan jumlah tempat latihan tertinggi dengan lebih 795,000 tempat latihan pada 2025, selari kedudukannya sebagai sektor kedua terbesar penyumbang kepada ekonomi negara dengan sumbangan antara 23 hingga 25 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Sekitar November 2025, sektor itu merekodkan 2.4 juta pekerja merangkumi industri elektrik dan elektronik, makanan dan minuman serta petroleum dan kimia, selain mencatat peningkatan purata gaji dan upah sebanyak 11 peratus tahun ke tahun.

Selain sektor pembuatan, HRD Corp turut memberi tumpuan kepada sektor ekonomi digital dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang menyumbang 23.4 peratus kepada KDNK pada 2024 dan dijangka meningkat kepada 25 peratus pada 2025.

Di bawah inisiatif Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), HRD Corp meluluskan RM130 juta



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (tengah) merasmikan pelancaran Global Skills Forum (GSF) 2025 bersama Ketua Pengarah Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), Gilbert F Houngbo (tiga dari kanan).

bantuan kewangan, melibatkan lebih 103,000 tempat latihan merentasi semua sektor ekonomi digital dan ICT.

Pendekatan itu selari keperluan meningkatkan ketahanan tenaga kerja dan daya saing perniagaan, khususnya ketika industri berdepan perubahan teknologi pesat, kekangan bakat serta keperluan pekerjaan yang semakin kompleks.

Dalam usaha memastikan akses latihan yang inklusif, seramai 18,137 rakyat Malaysia menerima manfaat daripada inisiatif pembangunan kemahiran yang dibiayai melalui gabungan geran kerajaan dan dana dalam HRD Corp.

Antara inisiatif berkenaan ialah Malaysia Indian Skills Initiative (MISI) yang melibatkan 1,108 pelatih daripada komuniti India, dengan 442 pelatih tambahan dijangka dilatih sebagai kesinambungan komitmen pembangunan modal insan inklusif.

HRD Corp turut melaksanakan Program Professional Advancement in Trucking & Haulage (PATH) dengan kerjasama Kesuma dan Kementerian Pengangkutan, menyasarkan 1,000 peserta di seluruh negara bagi memperkukuh tenaga kerja sektor pengangkutan dan logistik.

Program itu memfokuskan latihan pekerja pelabuhan dan pembangunan pemandu komersial melalui pemilihan lesen Kelas E dan Lesen Memandu Kenderaan Perkhidmatan Awam (GDL) serta kemahiran pemanduan defensif, dengan 156 pelatih berjaya dilatih sepanjang 2025.

Jalin kerjasama dengan CENTEXS

Selain itu, HRD Corp menjalin kerjasama dengan Centre for Technology Excellence Sarawak (CENTEXS) bagi melaksanakan latihan berasaskan kompetensi dan pensijilan selari keperluan pasaran kerja semasa.

Melalui kerjasama tersebut, 427 pelatih berjaya dilatih pada 2025 dengan sokongan majikan yang turut menyediakan peluaran pekerjaan.

Bagi memperkukuh kepelbagaian dan keterangkuman dalam ekosistem latihan negara, HRD Corp menerusi Inisiatif Transformasi Pasaran Latihan (TMT) melaksanakan lapan sesi Train-the-Trainer, memberi manfaat kepada 134 orang kurang upaya (OKU).

HRD Corp turut memperluas impak pembangunan komuniti melalui program



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menghadiri National Training Week (NTW) 2025.

pendidikan kemahiran, keusahawanan dan TVET, melibatkan 9,929 peserta serta mencapai 4,210 penerima manfaat komuniti melalui aktiviti di Pusat Latihan Pembangunan Kemahiran (PLPK).

PLPK turut melibatkan 39 rakan strategik, sekali gus memperluas penyampaian latihan berasaskan komuniti ke luar pusat bandar utama.

Sempena Pengurusan ASEAN Malaysia 2025, HRD Corp bersama Kesuma melaksanakan ASEAN Year of Skills (AYOS 2025) yang merangkumi tujuh platform utama dengan kerjasama rapat Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

AYOS 2025 memuncak dengan penganturan Global Skills Forum (GSF) 2025 dan ASEAN Forum of Manpower Ministers for Human Capital Development (AFMM-HCD) yang dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi serta Ketua Pengarah ILO, Gilbert F Houngbo.

Salah satu acara utama HRD Corp, National Training Week (NTW) 2025, mencatat 3,742,300 penyertaan, meningkat ketara berbanding 375,817 pada 2024, selain dibuka kepada penyertaan antarabangsa buat pertama kali.

Dari aspek tadbir urus kewangan, HRD Corp mengamalkan pendekatan pelaburan berasaskan risiko bagi melindungi dana levi serta mengimbangi pemeliharaan modal dan pertumbuhan mampan.

Hasilnya, aset di bawah pengurusan meningkat tiga peratus kepada RM4.16 bilion, dengan pulangan pelaburan sebanyak RM215 juta dan kadar pulangan pelaburan (ROI) 5.35 peratus.

Walaupun mencatat pencapaian ketara pada 2025, HRD Corp mengakui keperluan memperkemas dan menyusun semula fokus bagi tahun 2026, khususnya dalam meningkatkan penyertaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta mempercepat pembangunan tenaga kerja Malaysia berkemahiran tinggi.



Peserta Malaysia Indian Skills Initiative (MISI).



Perwakilan berunding semasa ASEAN Forum of Manpower Ministers for Human Capital Development (AFMM-HCD).

2

தை பிறந்தால் வழி பிறக்கும்: நம்பிக்கையுடன் முன்னேறுவோம்

டத்தோபுரீ ரமணன்
பொங்கல் வாழ்த்து

தமிழர்களின் சுபவிழாக்களில், ஆண்டின் புதிய தொடக்கமாய் அமைகின்ற தைத்திருநாளாம் தைப்பொங்கல் பண்டிகையை இன்று உற்சாகம் குன்றா வரவேற்கும் அனைவருக்கும், மனிதவள அமைச்சர் டத்தோபுரீ ரமணன் ராமகிருஷ்ணன் இனிய நல்வாழ்த்துகளை தெரிவித்துக் கொள்கிறார். பி.கே.ஆர். கட்சியின் தேசிய உதவித் தலைவருமான அவர் தமது வாழ்த்துச் செய்தியில், தைப்பொங்கல் திருநாள் என்பது இயற்கைக்கு நன்றி செலுத்துவோம், இறைவனால் நமக்கு கிடைக்கப்பெற்ற அருட்கொடைகளையும் உழைப்பின் பலனையும் போற்றும் ஓர் உன்னத அடையாளமாகும்.



இந்தத் திருநாள் கடின உழைப்பு, குடும்ப ஒற்றுமை, பரஸ்பர மரியாதை, சமூக நல்லிணக்கம் போன்ற நற்பண்புகளைப் பிரதிபலிக்கிறது. பன்முகத்தன்மை கொண்ட நம் நாட்டில், இன மத வேறுபாடுகளின்றி மக்களிடையே ஒற்றுமையை வலுப்படுத்தவும் உறவுகளை மேம்படுத்தவும் இந்தப் பண்டிகை ஒரு நல்வாய்ப்பாக அமைகிறது. இதுவே அமைதி, பரஸ்பர மரியாதையுடன் வாழும் நம் பல்லினச் சமூகத்தின் உண்மையான வலிமையாகும்.

மலேசிய மடானி கோட்பாட்டிற்கு இணங்க, தேசிய வளர்ச்சி, நீதி, பொதுவான நல்வாழ்வு ஆகியவற்றை முன்னிறுத்தி, மக்களின் நலன், தொழிலாளர்களின் பாதுகாப்பு, பல இனச் சமூகத்தின் இணக்கத்தை உறுதிப்படுத்துவதில் நான் என்றும் உறுதியுடன் இருப்பேன். இறுதியாக, இந்தப் பொங்கல் திருநாளில் உங்கள் அனைவருக்கும் நல் ஆரோக்கியம், வெற்றி, செல்வம், மகிழ்ச்சி பெருக வேண்டுமென இறைவனை வேண்டுகிறேன்.

“தை பிறந்தால் வழி பிறக்கும்” என்பதற்கு ஏற்ப, இந்தத் தை மாதத்தின் வருகை புதிய வாய்ப்புகளையும் வழிகளையும் திறக்கட்டும். சிறந்ததொரு எதிர்காலத்தை நோக்கி மிகுந்த நம்பிக்கையோடும் உற்சாகத்தோடும் நாம் அனைவரும் ஒன்றிணைந்து பயணிப்போம்.

அனைவருக்கும் இனிய பொங்கல் நல்வாழ்த்துகள் என்று டத்தோபுரீ ரமணன் குறிப்பிட்டுள்ளார்.